

01/10/2002

Bajet defisit tidak wajar jadi alasan kritik kerajaan

Magendran Rajagopal; Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Isnin - Hakikat bahawa bajet negara berada dalam kedudukan defisit tidak wajar dijadikan alasan untuk mengkritik strategi kerajaan, sebaliknya keberkesannya sebagai pemangkin pembangunan negara dan meningkatkan taraf hidup masyarakat harus diakui.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), ketika menyambung perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2003, berkata bajet defisit dibuat berdasarkan keperluan dan ia sudah tentu dihapuskan apabila ekonomi lebih kukuh.

"Negara berjaya mengekalkan lebih imbalan dagangan selama 57 bulan berturut-turut selain mempunyai rizab kira-kira AS\$30 bilion manakala semua pinjaman kita hanya pinjaman dalaman.

"Tahun depan, anggaran pertumbuhan ekonomi ialah 6.5 peratus, lebih tinggi daripada Thailand (tiga peratus) atau Indonesia dan Taiwan yang masing-masing menganggarkan pertumbuhan empat peratus.

"Hakikatnya, ekonomi kita stabil dan taraf hidup rakyat lebih baik berbanding kebanyakan negara serantau, hanya pembangkang saja masih tidak mahu menerima hakikat ini," katanya.

Jamaluddin juga menerima kenyataan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) bahawa anggaran pertumbuhan 6.5 peratus itu adalah sesuatu yang optimistik tetapi menjelaskan bahawa ia tidak mustahil dicapai jika kerajaan berbelanja secara berhemah dan tidak boros.

Jelas beliau kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Likas, Pendang, Indera Kayangan dan Teluk Kemang adalah petanda sokongan berterusan rakyat kepada BN.

Mengenai tindakan pakatan pembangkang mengemukakan bajet alternatif, Jamaluddin menampar kegagalan Pas memajukan Kelantan dan Terengganu terlebih dulu.

Jamaluddin juga menegur sikap pembangkang yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai diktator tetapi enggan mengakui kesilapan mereka apabila beliau mengumumkan peletakan jawatannya.

Katanya, keengganan Perdana Menteri bertanding sebagai ahli Parlimen dalam pilihan raya akan datang juga membuktikan ketelusan beliau melepaskan semua jawatan politiknya.

Tambahan pula, katanya, ketokohan Dr Mahathir sebagai pemimpin negara Islam diiktiraf dunia apabila Yasser Arafat sendiri meminta bantuan beliau meraih sokongan dunia bagi menamatkan konflik di Palestin.

"Ini ternyata berbeza dengan pembangkang, khususnya DAP, yang jelas mengamalkan nepotisme dengan memastikan jawatan penting parti kekal di kalangan keluarga pemimpinnya sendiri.

"Tindakan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang mengekalkan kuasa sebagai pengerusi dan mencalonkan menantunya (Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Daun, Melaka, Betty Chew) menggantikan anaknya yang tidak dapat bertanding jelas menampakkan ketamakan kuasa beliau.

"Jelaslah bahawa DAP kini dimanipulasi untuk kepentingan peribadi pemimpin tertentu manakala Pas pula hanya tahu berpolitik tetapi tidak mempunyai agenda pembangunan," katanya.